



KENYATAAN MEDIA **UNTUK SIARAN SEGERA**

PTPTN UMUM DIVIDEN SSPN TAHUN 2019

1. **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)** mengumumkan agihan **dividen Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)** bagi tahun 2019 sebanyak **4 peratus**. Pemberian ini melibatkan **anggaran peruntukan berjumlah RM147.25 juta** yang akan **memberi manfaat kepada lebih 4.39 juta pendeposit SSPN**. Ini menjadikan **keseluruhan dividen SSPN sebanyak RM647.65 juta telah diagihkan kepada pendeposit sehingga kini**.
2. **Pengumuman** dibuat oleh **Pengerusi PTPTN, Wan Saiful Wan Jan** diiringi **Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid**.
3. Kadar dividen 4 peratus yang diberikan kepada pendeposit SSPN adalah berdasarkan kepada pulangan bersih pelaburan yang telah dibuat atas deposit yang telah diterima oleh PTPTN.
4. Dalam majlis sama, PTPTN turut mengumumkan program **Ganjaran Kesetiaan 2020** sebagai **penghargaan kepada kesetiaan pendeposit SSPN-i yang telah membuka akaun untuk jangka masa panjang iaitu sebelum tahun 2017 dan menambah simpanan mereka sepanjang tempoh promosi (5 Februari 2020 hingga 30 April 2020)**.
5. Setiap **pendeposit SSPN-i yang memenuhi syarat kelayakan** akan menerima **Ganjaran Kesetiaan sebanyak 1 peratus atas simpanan yang dibuat dalam tempoh promosi** tersebut. Ini merupakan **insentif khas sebagai pulangan tambahan selain dividen tahunan**.
6. Wan Saiful Wan Jan berkata, “Berdasarkan pelbagai keistimewaan SSPN yang diberikan kepada pendeposit seperti pelepasan taksiran cukai sehingga RM8,000, perlindungan takaful, dividen yang kompetitif dan juga Ganjaran Kesetiaan ini, pendeposit SSPN sebenarnya mendapat keuntungan bukan setakat 4% sahaja.”

PRESTASI MEMBANGGAKAN HASIL KECEKAPAN PENGURUSAN

7. Tahun 2019 merupakan tahun yang membanggakan dalam sejarah PTPTN menguruskan instrumen simpanan pendidikan melalui produk penabungan SSPN.
8. Wan Saiful Wan Jan berkata, “Alhamdulillah, dengan kesungguhan dan hasil kecekapan pengurusan dan pegawai-pegawai menguruskan dana ini, PTPTN dapat memberikan kadar dividen SSPN sebanyak 4% walaupun dalam suasana ekonomi yang kurang memberangsangkan.”
9. Usaha untuk lebih dikenali sebagai Tabung Pendidikan dengan membudayakan amalan penabungan berbanding meminjam terus dilipatgandakan. Ia telah dirangka di peringkat Pengurusan PTPTN dan disambut oleh seluruh warga kerja bagi bersama-sama merealisasikan wawasan agar masyarakat Malaysia membuat simpanan bagi tujuan pendidikan.
10. Hasilnya, pada tahun 2019, PTPTN telah berjaya mencapai peningkatan tertinggi jumlah simpanan SSPN dengan keuntungan pelaburan yang mampan sehingga mampu memberikan dividen yang kompetitif kepada pendeposit SSPN.
11. “Peningkatan ini adalah hasil daripada kecekapan Pengurusan PTPTN di tambah dengan usaha gigih dan konsisten kakitangan PTPTN serta kerajaan dalam menggalakkan masyarakat Malaysia untuk membuat persediaan lebih awal dengan membuat penabungan bagi tujuan pendidikan anak-anak sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman. Sudah pasti sokongan media dalam mewarwarkan kepada masyarakat mengenai kebaikan SSPN sangat membantu dan amat dihargai. Diharapkan sokongan yang positif ini akan berterusan,” tambah beliau.

PENINGKATAN KEUNTUNGAN PELABURAN RM205.27 JUTA

12. Bagi tahun 2019, SSPN telah memperoleh keuntungan pelaburan berjumlah RM205.27 juta. Prestasi tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak RM41.73 juta (25.52%) berbanding sebanyak RM163.54 juta pada tahun 2018.
13. “Selaras dengan hasrat kerajaan untuk memastikan simpanan dalam SSPN sentiasa terjamin dan dilindungi, PTPTN mengamalkan kaedah pelaburan patuh syariah berjangka pendek dan panjang di pasaran wang tempatan yang melindungi prinsipal, di samping memberikan pulangan atau keuntungan yang tinggi dan positif. Keuntungan SSPN tahun 2019 sebanyak RM205.27 juta ini merupakan keuntungan tertinggi yang pernah dicapai dalam sejarah PTPTN.” jelas Wan Saiful Wan Jan.

KUTIPAN TERTINGGI SSPN RM1.37 BILION

14. PTPTN juga berjaya mencapai **kutipan deposit SSPN bagi tahun 2019 berjumlah RM1.37 bilion**. Ini merupakan **jumlah tertinggi** yang pernah dicapai oleh PTPTN semenjak produk SSPN diwujudkan pada tahun 2004.

15. Pencapaian ini menunjukkan berlakunya peningkatan sebanyak RM240 juta atau 21.24% berbanding tahun 2018 sekali gus menjadikan **deposit SSPN terkumpul keseluruhan sehingga Disember 2019 berjumlah RM5.88 bilion**.

16. Peningkatan ini memberi petunjuk bahawa semakin ramai rakyat Malaysia yang telah mula sedar tentang kepentingan membuat perancangan kewangan demi memastikan cita-cita melihat kejayaan anak-anak melanjutkan pengajian tercapai. Ia jelas apabila pada tahun 2019 sebanyak 455,952 akaun baharu telah dibuka menjadikan **jumlah keseluruhan sehingga Disember 2019 sebanyak 4.39 juta akaun** sejak 15 tahun SSPN diperkenalkan.

MENDEPANI TAHUN 2020

17. PTPTN mensasarkan sebanyak RM1.5 bilion kutipan deposit SSPN untuk tahun 2020. Sasaran yang ditetapkan ini adalah berasaskan kepada pencapaian positif SSPN tahun 2019 dengan pelbagai langkah proaktif pengoperasian dan pemasaran yang akan dilaksanakan oleh PTPTN sepanjang tahun 2020.

18. SSPN merupakan skim simpanan pendidikan yang wajar dimiliki oleh setiap isi rumah kerana ia bukan hanya simpanan semata-mata tetapi turut menawarkan pelbagai keistimewaan serta manfaat yang baik dan menyeluruh. Masyarakat Malaysia perlu merebut peluang menyimpan di dalam SSPN kerana SSPN mampu merealisasikan impian dan harapan anak-anak ke menara gading

19. Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, "PTPTN akan terus melipatgandakan usaha mengubah budaya masyarakat dari budaya berhutang kepada budaya menyimpan. Simpanan merupakan suatu pelaburan yang akan membuahkan hasil bagi setiap simpanan yang dibuat berbanding terus meminjam yang sebenarnya merupakan suatu perbelanjaan. Simpanan dalam SSPN adalah merupakan pelaburan berganda kerana ia juga akan melahirkan modal insan yang berjaya dan berdisiplin pada masa akan datang."